

NO. SOALAN: 61

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 27 MEI 2015

RUJUKAN : 7904

SOALAN:

Tuan MasirKujat[SriAman] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah PosSempadan / Imigresen akan dibina di kawasan Lachau, Sri Aman.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Sarawak sememangnya mempunyai perancangan untuk membina pos kawalan sempadan di Karanggas Gayau, Sri Aman. Perkara ini merupakan keutamaan dan menjadi perhatian dalam menyediakan kertas cadangan dalam Rancangan Malaysia sebelum ini.

Berikutan itu, pihak Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak telah menyediakan laporan cadangan pembinaan Pos Polis Gerakan Am (PGA) dan ICQS sepanjang sempadan Sarawak/ Kalimantan. Dalam laporan tersebut, pihak Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak melalui kerjasama pihak Pasukan Gerakan Am (PGA) telah menyertakan sekali cadangan untuk membina Pos Sempadan/ Imigresen di kawasan Lachau, Sri Aman di lokasi yang sesuai dengan mengambil kira pelbagai perkara.

Manakala anggaran kos untuk membina Pos Sempadan ini dianggarkan berjumlah RM5 juta dan tertakluk kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan yang diluluskan oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun, pembinaan Pos Sempadan ini tertakluk kepada persetujuan di antara Malaysia/ Indonesia untuk mewujudkan Pos kawalan Sempadan di tempat tersebut.